

BAB KETIGA LAPORAN PENYELIDIKAN

dahuluan

Di dalam bab pertama penulis telah menyebut tentang metodologi yang digunakan oleh penulis di dalam pengumpulan data tuk menyiapkan kajian ini. Antara metodologi yang digunakan lah temuramah, soal selidik, pemerhatian, kajian perpustakaan i beberapa metodologi lain lagi.

Walau bagaimanapun penulis telah memilih soal selidik sebagai metodologi utama di dalam kajian ini. Ini adalah kerana nyelidikan ini menggunakan populasi yang besar. Bilangan subjek ng berjauhan antara satu sama lain; keadaan seperti ini dorong metodologi soal selidik menjadi lebih wajar dan sesuai n patut diberi keutamaan memandangkan kepada perbelanjaan yang perlukan tidaklah begitu tinggi berbanding dengan metodologi- todologi lain. Di samping itu ia menjimatkan masa dan tenaga. i sesuailah dengan kedudukan kewangan penulis serta peruntukan asa yang diberikan.

Soal selidik juga merupakan alat ukur yang sering digunakan i dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik biasanya digunakan ntuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, erasaan, kehendak, kesahan (validiti) dan sebagainya.

Soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan enaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang eri. Gerak balas serta jawapan yang diberikan oleh subjek ak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku penyelidik ta cara penyelidikan kerana penyelidik tidak hadir sama nasa subjek memberikan tindak balasnya. Ketidakhadiran yelidik secara langsung mendorong subjek memberi jawapan yang sih tepat dan benar. Subjek juga berasa bahawa dirinya selamat 1 tuk memberi jawapan yang tepat dan benar terhadap rangsangan.

Untuk tujuan kajian ini, penulis telah membentuk satu soal lidik yang terdiri dari 35 soalan yang merangkumi aspek-aspek tar belakang responden dari segi kekeluargaan, ekonomi nasyarakatan dan lain-lain, minat, pencapaian, serta beberapa rkara lain yang boleh memenuhi kehendak serta matlamat kajian i.

Borang-borang soal selidik telah dihantar kepada mereka ng terpilih beserta dengan surat yang menerangkan dengan jelas ntang maksud dan tujuan soal selidik ini diadakan. Penulis juga eminta kepada setiap responden supaya memberikan jawapannya engan ikhlas demi kebaikan bersama dan juga masa depan bahasa tab di negara kita.

¹ Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Kementerian Pendidikan alaysia, 1990), h^o 202.

Di dalam borang soal selidik ini penulis sengaja tidak inta supaya responden menulis nama dan sekolah tempat mereka ajar. Ini adalah supaya responden akan dapat menjawab segala hal yang diberikan itu dengan penuh yakin tanpa sebarang asaan negatif seperti malu, bimbang, takut dan lain-lain lagi.

Untuk mengirimkan borang kepada semua pelajar peringkat tengah adalah merupakan suatu perkara yang mustahil, jika lihat kepada kemampuan penulis dari segi masa dan keewangan. Walaupun demikian penulis telah memilih beberapa buah sekolah yang termasuk di dalam skop kajian ini. Sebanyak seratus salinan orang soal selidik telah diperuntukkan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima. Borang ini dibahagi sama rata di antara sekolah-sekolah yang terpilih.

Dari segi pemilihan subjek atau responden, pemilihan dilakukan secara rambang. Ini adalah kerana kajian ini bukanlah bertujuan untuk mengesahkan hipotesis yang dikemukakan sebelumnya tepat atau tidaknya. Perkara ini didapati sudah menepati dengan kehendak dan tujuan kajian ini diadakan.

Mengikut populasi sebenar bilangan pelajar perempuan adalah lebih ramai daripada pelajar laki-laki. Dengan demikian orang soal selidik lebih banyak diedarkan kepada pelajar perempuan supaya ianya dapat mencerminkan suatu keadaan yang hampir serupa dengan keadaan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun embahagian itu bukan mengikut nisbah yang sebenarnya.

LAPORAN KAJIAN

Berikut ini penulis mengemukakan data-data yang diperolehi dari soal selidik yang telah dijalankan:

JADUAL 1

BAHASA HARIAN

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus %
1	Bahasa Malaysia	91	91%
2	Bahasa Inggeris	1	1%
3	Bah. Inggeris + Bahasa Malaysia	1	1%
4	Dialek Kelantan	7	7%
Jumlah		100	100%

Mengikut jadual 1 tidak seorang pun dari responden yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa hariannya. Ianya juga menunjukkan bahawa bahasa Inggeris lebih mendapat tempat di kalangan pelajar-pelajar sekolah Arab dengan wujudnya 1% dari kalangan mereka yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa harian. Keadaan ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya 1% lagi yang menjadikan bahasa Inggeris + bahasa Melayu sebagai bahasa harian.

Adalah dipercayai sebahagian besar daripada 91% responden yang mengaku menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa harian, adalah menggunakan dialek Kelantan di dalam pertuturan harian mereka. Kerana mengikut kebiasaan, orang-orang Kelantan hanya menggunakan dialek Kelantan bila berada di Kelantan. Atas alasan ini, maka responden yang menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa harian adalah dianggarkan jauh lebih besar dan bukannya 7% sepertimana yang tercatat di dalam jadual 1. Kekeliruan berlaku kerana sebahagian besar dari mereka tidak membezakan di antara dialek Kelantan dengan Bahasa Malaysia.

Penggunaan dialek Kelantan di dalam percakapan harian boleh membantu pembelajaran bahasa Arab, kerana dialek Kelantan didapati telah diresapi oleh bahasa Arab. Perkara ini dipercayai telah berlaku semenjak beratus tahun dulu lagi bilamana tok-tok guru yang berpendidikan Arab itu sukar untuk menemui perkataan-perkataan tertentu di dalam bahasa Melayu, mereka terus menggunakan perkataan Arab. Kewujudan banyak perkataan Arab di dalam dialek Kelantan ini tidak disedari oleh kebanyakan pelajar. Sekiranya perhatian diberikan, ini dipercayai dapat mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar agama di Kelantan.

Bagi mereka yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan harian, kebiasaan mereka dengan penggunaan bahasa asing juga sedikit sebanyak boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab.

Keengganan pelajar sekolah Arab dari menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa harian mereka adalah merupakan suatu gejala yang tidak boleh dibiarkan dan keadaan ini perlulah diperbaiki.

JADUAL 2
BAHASA KEDUA

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Bahasa Arab	7	7%
2	Bahasa Inggeris	20	20%
3	Bahasa Melayu	1	1%
4	Bahasa Arab + Bahasa Inggeris	4	4%
5	Tiada	68	68%
Jumlah		100	100%

Dari jadual 2 didapati hanya 7% dari responden sahaja yang sanggup memperakukan bahawa bahasa Arab adalah merupakan bahasa kedua bagi mereka. Manakala 20% lagi lebih berkeyakinan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sebanyak 68% mengaku tidak mempunyai bahasa kedua. Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini bahawa keseluruhan responden sama ada laki-laki atau perempuan adalah terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan lima. Ini bermakna mereka telah mempelajari bahasa Arab sekurang-kurangnya lima tahun. Namun mereka masih belum mempunyai keyakinan terhadap bahasa Arab yang mereka pelajari. Keyakinan mereka terhadap

kemampuan mereka di dalam menguasai bahasa Inggeris adalah jauh lebih tinggi.

JADUAL 3

AHLI KELUARGA YANG TINGGAL BERSAMA YANG BOLEH BERBAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Ibu sahaja	3	3%
2	Bapa sahaja	6	6%
3	Adik Beradik	23	23%
4	Semua/Hampir semua isi rumah	12	12%
5	Lain-lain	2	2%
6	Tiada	54	54%
Jumlah		100	100%

Berdasarkan jadual 3 adalah didapati sebanyak 46% dari responden mempunyai seseorang yang boleh membantu mereka di rumah di dalam pembelajaran dan pengukuhan bahasa Arab, sama ada di dalam pelajaran ataupun perbualan harian. Bagi 12% responden yang mana kesemua atau hampir semua isi rumah boleh berbahasa Arab tentunya mempunyai peluang yang lebih untuk berbuat demikian berbanding dengan yang lain yang hanya mempunyai seorang atau dua sahaja yang boleh berbahasa Arab. Bagi 54% lagi yang tidak mempunyai keluarga yang tinggal bersama yang boleh berbahasa

Arab, sudah tentunya mereka terpaksa mendapatkan bantuan dari luar.

Walau bagaimanapun didapati tidak banyak dari mereka yang mempunyai keluarga yang boleh berbahasa Arab menggunakan peluang ini di dalam pengukuhan bahasa Arab. Contohya, didapati 12% responden hidup di dalam keluarga yang boleh menguasai bahasa Arab, tetapi tidak terdapat langsung responden yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa harian. Bahkan yang menjadikannya sebagai bahasa kedua pun hanya sebanyak 7% sahaja.

JADUAL 4
PEKERJAAN BAPA

Bil	Perkara	Bil.Responden	Peratus
1	Pegawai Kerajaan	6	6%
2	Kakitangan Rendah	8	8%
3	Pendidik	9	9%
4	Peniaga	12	12%
5	Buruh	7	7%
6	Petani	25	25%
7	Penoreh Getah	5	5%
8	Pesara Guru	6	6%
8	Lain-lain	22	22%
Jumlah		100	100%

Jadual 4 menunjukkan kebanyakkan bapa responden mempunyai pekerjaan tetap. Lumrahnya keadaan yang demikian memberikan kedudukan yang selesa kepada responden dari segi ekonomi. Atau sekurang-kurangnya masalah kewangan atau pun saraan bukanlah merupakan suatu faktor yang penting yang boleh membantutkan pertumbuhan atau pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun ini bukanlah mencerminkan keadaan yang sebenarnya yang terdapat di dalam masyarakat kita. Kerana mengikut tinjauan penulis di beberapa tempat di negeri Kelantan masih ramai yang berada di peringkat umur persekolahan yang tidak meneruskan persekolahan mereka disebabkan oleh kemiskinan selain dari ketiadaan dorongan oleh keluarga sendiri.

Jadual 4 juga menunjukkan satu perubahan yang besar berlaku terhadap penglihatan duniawi atau "world view" juga persepsi mesyarakat Kelantan tentang pengajian agama dan bahasa Arab. Ini terbukti dengan kehadiran lebih dari 30% daripada anak-anak kakitangan Kerajaan - sama ada pegawai tinggi atau rendah - untuk belajar di sekolah agama/Arab. Ini jauh berbeza dengan keadaan sedekad sebelum ini, di mana pelajar-pelajar sekolah agama kebanyakannya adalah terdiri dari anak-anak petani, penoreh getah, buruh dan lain pekerjaan yang hanya memberikan pendapatan sekadar cukup hidup sahaja. Ada beberapa faktor yang dapat dilihat yang telah membawa kepada perubahan tersebut:

- 1- Perubahan yang dianggap sebagai perubahan secara tabii di dalam masyarakat umpamanya pelajar-pelajar yang terdiri dari anak-anak petani pada dekad-dekad sebelum ini yang telah berjaya di dalam pelajarannya dan menjawat jawatan penting di

dalam kerajaan, sekarang ini telah menjadi bapa kepada pelajar-pelajar sekolah agama pula. Dengan demikian pelajar ini tidak lagi menjadi anak petani tetapi cucu petani. Bahkan jika ianya masih merupakan anak kepada seorang petani, maka petani sekarang adalah berlainan sekali kedudukan ekonominya dengan petani-petani yang hidup di dalam dekad-dekad sebelum ini. Kadang kalanya mereka terdiri di dalam golongan termewah

- Pelajar-pelajar sekolah/Arab mampu menyaingi pelajar-pelajar lain untuk mendaki menara gading seterusnya menjawat jawatan-jawatan tinggi di dalam sektor awam dan swasta. Bahkan di dalam melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi pelajar sekolah agama/Arab didapati mempunyai lebih banyak peluang dan pilihan. Inilah di antara faktor yang menarik minat golongan atasan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama/Arab.
- Perhatian yang diberikan oleh pihak Kerajaan di dalam menaikkan taraf sekolah agama sama ada dengan memberikan bantuan kewangan atau penyerapan sekolah-sekolah tertentu di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan membuatkan ibu bapa merasa lebih terjamin berbanding dengan keadaan yang sebelumnya.
- Kesedaran keagamaan juga merupakan dorongan ke arah menghantar anak-anak ke sekolah agama.

Yang lain-lain sebanyak 22% di dalam jadual 4 di atas adalah terdiri dari pesara dari berbagai jabatan kerajaan, imam, polis, tentera, pengawal keselamatan, tukang rumah, kontraktor dan pekerjaan-pekerjaan yang tidak tetap.

Walau apa pun pekerjaan bapa, yang pentingnya mereka ini adalah terdiri dari celik huruf, berbanding dengan dekad-dekad sebelum ini, bila disebut petani atau penoreh getah, lumrahnya terdiri dari mereka yang buta huruf.

Keadaan celik huruf ibu bapa dan juga kesedaran mereka tentang pentingnya pelajaran banyak memberi dorongan di dalam pembelajaran anak-anak.

JADUAL 5

PEKERJAAN IBU

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Pegawai Kerajaan	2	2%
2	Pendidik	7	7%
3	Peniaga	3	3%
4	Penoreh Getah	6	6%
5	Petani	6	6%
6	Penjaga Kanak-kanak	1	1%
7	Suri Rumah	75	75%
Jumlah		100	100%

Walaupun pembelajaran berlaku di sekolah, namun peranan keluarga amat besar pengaruhnya di dalam pembelajaran anak-anak. Di dalam jadual 5 didapati 75% ibu kepada responden adalah sebagai suri rumah sepenuh masa. Walaupun mereka ini tidak bekerja ini tidaklah bermakna mereka ini tidak berpendidikan.

JADUAL 6
KENAPA BELAJAR DI SEKOLAH AGAMA/ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Minat Sendiri	59	59%
2	Dorongan Keluarga	37	37%
3	Dorongan Kawan	3	3%
4	Tiada Pilihan Lain	0	0%
5	Lain-Lain (Sekolah dekat rumah)	1	1%
Jumlah		100	100%

Jadual 6 menunjukkan bahawa kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah agama disebabkan oleh beberapa perkara. Walau bagaimanapun faktor minat merupakan faktor utama. Ini adalah dengan terdapatnya 59% dari responden yang menyatakan kemasukan mereka ke sekolah agama adalah kerana minat mereka sendiri. Manakala 37% lagi adalah kerana dorongan keluarga, dan 3% lagi di dorong oleh kawan-kawan. Dengan demikian bolehlah dikatakan pada keseluruhannya responden mempunyai kesanggupan dan bersedia untuk belajar di sekolah agama/Arab.

Kesediaan seseorang untuk belajar merupakan salah salah satu faktor yang penting di dalam kejayaan pembelajaran. Sehubungan dengan ini Ikhwan Al-Safa menyatakan:

"di dalam proses pembelajaran adalah perlu diberi perhatian tentang kelainan bentuk atau keadaan (nature) dan "kesediaan", pengaruh persekitaran¹ dan unsur-unsur warisan."

Ini adalah kerana kesemua yang disebutkan itu mempunyai pengaruh dan peranan yang besar di dalam pembelajaran.

Jadual 7

PENCAPAIAN DI DALAM BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Sangat Memuaskan	1	1%
2	Memuaskan	67	67%
3	Kurang Memuaskan	30	30%
4	Sangat Lemah	2	2%
Jumlah		100	100%

Berhubung dengan cara menjawab soalan pencapaian ini penulis telah memberikan satu panduan kepada wakilnya yang menjalankan soal selidik ini, supaya menerangkan kepada responden skema yang berikut:

- a- Mendapat markah 80% dan ke atas - sangat memuaskan
- b- 50% hingga 79% - memuaskan
- c- 30% hingga 49% - kurang memuaskan
- d- Di bawah 30% - sangat lemah.

1

Ikhwan Al-Safa, dalam Adab Al-Muta'allimim Wa Rasa'il Ukhra Fi Al-Tarbiyyat, edisi: Ahmad 'Abd al-Ghafur 'Attar, cet. kedua, (Beirut 1967), hal.39.

Jadual 7 menunjukkan kebanyakan responden mencapai tahap sederhana di dalam menguasai bahasa Arab, dengan hanya seorang sahaja yang menunjukkan mencapai tahaf cemerlang. Walau bagaimanapun dipercayai mereka yang mencapai tahaf cemerlang adalah jauh lebih besar daripada angka yang ditunjukkan di dalam jadual tujuh. Ramai di kalangan responden dipercayai tidak ingin menyatakan keadaan sebenar dengan sikap rendah diri atau tawadho' yang ada pada mereka - sikap yang terbentuk melalui pendidikan Islam -.

JADUAL 8
PANDANGAN TERHADAP BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Sukar	35	35%
2	Mudah	6	6%
3	Penting	59	59%
Jumlah		100	100%

Jadual 8 menunjukkan 35% daripada responden berpendapat bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang sukar. Mereka ini memberikan berbagai alasan kenapakah bahasa ini dianggap sukar oleh mereka. Berikut ini beberapa alasan yang telah diberikan oleh mereka:

- 1- Tidak pernah di ajar di peringkat sekolah rendah.
Pendedahan kepada bahasa Arab hanya bermula di peringkat

menengah. Berbanding dengan bahasa Inggeri yang telah mula diajar semenjak dari darjah satu sekolah rendah.

2- Bahasa Arab merupakan bahasa asing khususnya dari segi pertuturan.

3- Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang mempunyai cabang ilmu yang sangat luas serta unik.

Di sini didapati responden memberikan alasan mereka mengikut persepsi yang berbeza. Walau bagaimanapun alasan yang pertama yang mengatakan pendedahan kepada bahasa Arab atau pun pengajaran bahasa Arab tidak bermula di peringkat rendah yang membuatkan bahasa Arab menjadi bahasa yang sukar mungkin tidak boleh diterima. Ini adalah kerana di dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam ini sudah semestinya Al-Quran telah diajar kepada kanak-kanak semenjak di bawah umur persekolahan lagi. Pada keseluruhannya kanak-kanak Islam di peringkat sekolah rendah telah menghafal banyak surah-surah pendek, doa-doa, zikir-zikir dan sebagainya yang mana jumlah perbendaharaan kata yang telah dihafaz oleh mereka merupakan suatu jumlah besar. Ini belum lagi diambilkira perkataan Arab yang telah dicarumkan ke dalam bahasa Melayu yang mana bilangannya hampir dua ribu perkataan. Dari segi sebutan didapati kanak-kanak Melayu telah terdedah kepada bahasa Arab semenjak kecil lagi.

Jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, bahasa Arablah yang lebih banyak bermain dibibir kanak-kanak Melayu. Jadi alasan mereka yang mengatakan bahawa bahasa Arab menjadi bahasa yang

sukar akibat dari ketiadaan pendedahan di peringkat awal merupakan alasan yang lemah.

Manakala alasan yang kedua yang diberikan pula dilihat dari aspek penggunaan di kalangan umat Islam setempat. Penggunaan bahasa Arab yang terbatas kepada ibadat sahaja telah menjadikan suatu bahasa yang asing dari segi pertuturan. Ini menyebabkan bahasa ini menjadi susah untuk dikuasai. Keadaan ini merupakan satu fenomena yang terdapat pada hari ini, di mana hampir keseluruhan pelajar yang boleh berbahasa Arab tidak langsung menggunakan bahasa ini melainkan di dalam kelas-kelas bahasa Arab. Apa yang ketara lagi ialah terdapat banyak kelas bahasa Arab yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Dengan demikian alasan yang diberikan oleh responden-responden ini akan diberikan perhatian yang khusus.

Manakala alasan yang ketiga yang diberikan adalah berasaskan kepada pandangan mereka terhadap bahasa Arab yang merupakan satu bidang ilmu pengetahuan. Bagi mereka bahasa Arab bukan sahaja merupakan alat untuk berinteraksi ataupun alat komunikasi sebaliknya ianya merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang mempunyai cabang ilmu pengetahuan yang banyak lagi luas. Pandangan yang seperti ini bukan sahaja tepat dengan hakikat dan realiti bahasa itu sendiri, bahkan ianya akan memberikan semangat serta minat dan motivasi yang lebih kepada mereka yang mempunyai pendapat yang sedemikian.

Daripada jadual 8 juga kita dapati bahawa hanya 6% dari

responden sahaja yang berpendapat bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang mudah. Mereka ini tidak memberikan banyak alasan kenapa bahasa itu dianggap mudah. Mereka itu memberi alasan kerana bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran. Bagi mereka yang selalu membaca Al-Quran tambahan pula bagi mereka yang menghafalnya pembelajaran bahasa Arab sememangnya akan menjadi lebih mudah. Kerana mereka tidak lagi perlu menghafal banyak perkataan Arab tetapi mereka hanya perlu mengingati makna bagi perkataan-perkataan (Kalimat Al-Quran) yang telah dihafalnya itu.

Manakala 59% responden berpendapat bahawa bahasa itu merupakan bahasa yang penting dengan memberikan alasan-alasan yang dilihat dari dua aspek, iaitu ciri-ciri yang terdapat pada bahasa Arab itu sendiri dan satu lagi yang berkaitan dengan kepentingan responden itu sendiri. Yang berkaitan dengan bahasa Arab itu sendiri adalah seperti berikut:

- 1- Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran.
- 2- Bahasa Arab adalah bahasa penghuni syurga.
- 3- Bahasa Arab adalah bahasa yang kedua terbesar dunia
- 4- Bahasa komunikasi.
- 5- Bahasa Arab adalah bahasa bagi segala ilmu pengetahuan Islam.

Manakala alasan yang berkaitan dengan diri responden pula adalah seperti berikut:

- 1- Ianya penting kerana merupakan mata pelajaran wajib bagi setiap peperiksaan.

- 2- Ianya penting kerana boleh melayakkan diri seseorang itu menyambung pelajaran ke pusat pengajian tinggi.
- 3- Ianya penting untuk mendalami ilmu-ilmu Islam.
- 4- Ianya merupakan satu wasilah ke arah trcapainya cita-cita.

Alasan-alasan yang diberikan iaitu yang berkaitan dengan ciri bahasa Arab itu sendiri adalah bertepatan dengan hakikat dan realiti bahasa Arab. Ini mencerminkan mereka itu faham serta sedar akan kepentingan bahasa Arab itu.

JADUAL 9
MINAT TERHADAP BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Sangat Minat	23	23%
2	Minat	61	61%
3	Kurang Minat	14	14%
4	Tidak Minat Langsung	2	2%
Jumlah		100	100%

Peratusan mereka yang meminati bahasa Arab adalah bersesuaian dan berpatutan dengan bahasa Arab sebagai pengantar bagi setiap mata pelajaran agama. Jika dicampur peratusan mereka yang sangat minat dengan peratusan mereka yang minat sahaja, ianya akan berjumlah sebanyak 84%. Adalah dipercayai mereka yang kurang minat dan tidak minat langsung untuk mempelajari bahasa Arab itu, sebenarnya dipengaruhi oleh perkara-perkara lain yang berkaitan dengan cara pembelajaran yang terdapat di sekolah

mereka. Dengan mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dipercayai minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab akan dapat dikembalikan kepada tahap yang sepatutnya. Minat dan motivasi adalah dua perkara yang berkait rapat. Walau bagaimanapun dengan minat yang tinggi sahaja tidak memadai untuk meningkatkan motivasi seseorang di dalam pembelajaran.

JADUAL 10

PERASAAN KETIKA BERADA DI DALAM KELAS BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tertekan	1	1%
2	Membosankan	5	5%
3	Biasa	44	44%
4	Seronok	47	47%
5	Lain-lain	3	3%
Jumlah		100	100%

Jadual 10 menunjukkan terdapat 2% daripada responden merasa tertekan ketika berada di dalam kelas bahasa Arab. Adalah dipercayai apa yang menjadikan perasaan responden berkenaan tertekan ialah berlakunya konflik di antara dua perkara iaitu minat dan harapan responden dengan keadaan kelas yang tidak dapat memenuhi harapannya. Dengan kata lain responden sememangnya meminati untuk mempelajari bahasa Arab tetapi jalan ke arah tercapainya harapannya tersekat oleh sesuatu yang negatif seperti buku teks yang susah, guru yang tidak berkelayakan dan lain-lain.

Sekiranya responden tidak meminati bahasa Arab, ini tidak akan menjadikannya tertekan, tetapi sekadar membosankan sahaja. Salah seorang dari responden ini menyatakan sebab beliau tertekan ialah kerana rakan-rakan sedarjahnya lebih pandai. Masalah ini ternyata berpunca dari penempatannya di dalam kelas yang tidak sesuai.

Manakala sebanyak 5% menyatakan mereka merasa bosan ketika berada di dalam kelas bahasa Arab. Sama ada kebosanan ini lahir dari perasaan kurang minat terhadap bahasa atau pun disebabkan oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan pembelajaran ianya tetap merupakan masalah yang perlu diatasi. Adalah dipercayai sekiranya cara dan suasana pembelajaran yang menarik dapat diwujudkan ianya bukan sahaja dapat menarik minat mereka yang mempunyai kepentingan di dalam bahasa Arab bahkan ianya akan dapat menarik minat sesiapa saja untuk mempelajarinya.

Sebanyak 47% lagi merasa seronok ketika mempelajari bahasa Arab dan 44% lagi menyatakan biasa sahaja. Jadi kedua-dua golongan ini adalah dianggap normal. Walau bagaimanapun kesan pembelajaran yang lebih baik dipercayai akan memihak kepada golongan pertama.

Manakala yang lain-lain sebanyak 2% mempunyai perasaan bangga dan sentiasa bersemangat untuk belajar. Perasaan yang seumpama ini jarang sekali terdapat di kalangan pelajar. Mereka yang mempunyai perasaan sedemikian sudah tentunya mempunyai kebolehan serta pencapaian yang cemerlang serta mempunyai cita-cita yang tinggi.

JADUAL 11
GURU SEBAGAI PENDORONG

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Ya	87	87%
2	Tidak	13	13%
	Jumlah	100	100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa dari seratus responden hanya 13 sahaja yang memberikan jawapan "tidak"- iaitu guru tidak menjadi daya pendorong di dalam mempelajari bahasa Arab.

Manakala sebanyak 87 orang lagi berpendapat bahawa guru menjadi daya pendorong di dalam mempelajari bahasa Arab. Ini adalah bersesuaian dengan realiti yang terdapat di negara kita, di mana pendedahan pelajar kepada bahasa Arab hanyalah berkisar sekitar bilik darjah sahaja. Di dalam bilik darjah pula gurulah merupakan satu-satunya yang boleh memberikan dorongan kepada pelajar-pelajar.

JADUAL 12
BAHASA YANG LEBIH MENARIK UNTUK DIPELAJARI

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Bahasa Inggeris	35	35%
2	Bahasa Arab	55	55%
3	Kedua-duanya Menarik	6	6%
3	Lain-lain	2	2%
4	Tiada Jawapan	2	2%
	Jumlah	100	100%

Jadual 11 didapati 55% daripada responden menyatakan bahawa bahasa Arab adalah lebih menarik untuk dipelajari. Ini adalah bersesuaian dengan peratusan responden yang memilih untuk belajar di sekolah Arab kerana minatnya sendiri adalah sebanyak 59% sepertimana yang terdapat di dalam jadual 6. Perbezaan sebanyak 4% itu adalah disebabkan oleh faktor-faktor selain dari faktor minat.

Responden-responden yang memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang menarik untuk dipelajari telah memberikan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Ianya adalah bahasa al-Quran dan bahasa Rasulullah.
- 2- Bahasa Arab mempunyai kehalusan makna, sebutan yang indah, gaya bahasa yang menarik, amat senang digunakan di dalam menerangkan sesuatu maksud yang mendalam.
- 3- Seronok, kerana melaluiinya kita akan dapat mengetahui makna bagi perkataan yang biasa kita sebut setiap hari, khususnya yang berkaitan dengan ibadat. Kerana kita telah banyak menghafal perkataan-perkataan yang berkenaan tetapi tidak memahami maknanya.
- 4- Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dari berbagai aspek. Jadi apabila kita mempelajarinya kita akan dapat merasakan tentang keunikannya.
- 5- Ianya kaya dengan "mufradat" di mana dengannya kita dapat menerangkan sesuatu dengan lebih tepat berbanding dengan bahasa lain.
- 6- Bahasa Arab banyak mempunyai makna yang tersirat.

Selain dari itu responden juga memberi alasan-alasan lain yang berkaitan dengan hubungan bahasa ini dengan persekolahan mereka, seperti untuk memenuhi keperluan di dalam menyambung pelajaran dan tujuan komunikasi bila melanjutkan pelajaran ke negara-negara Arab.

Peratusan yang menyatakan bahawa bahasa Inggeris lebih menarik untuk dipelajari pula adalah sebanyak 35%. Mereka ini memberikan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Bahasa komunikasi antara bangsa.
- 2- Kebanyakan penduduk dunia memahaminya.
- 3- Penggunaan harian oleh berbagai media cetak dan elektronik.

Manakala yang lain pula menyatakan alasan yang ada kaitan secara langsung dengan masa depan dan pembelajaran mereka.

- 1- Bahasa Inggeris penting untuk masuk universiti.
- 2- Pengajaran guru bahasa Inggeris lebih menarik dari pengajaran guru bahasa Arab.
- 3- Bahasa Inggeris lebih mudah dipelajari dan lebih mudah digunakan.

Selain dari itu ada juga yang memberi alasan kenapa beliau lebih tertarik untuk mempelajari bahasa Inggeris. Alasannya ialah bahasa Inggeris adalah bahasa pertuturan serta komunikasi bagi golongan atasan. Jadi dengan menggunakan bahasa Inggeris boleh meningkatkan lagi kedudukan sosial orang yang menggunakannya.

JADUAL 13
BAHASA YANG LEBIH MUDAH

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Bahasa Arab	45	45%
2	Bahasa Inggeris	54	54%
3	Kedua-duanya susah	1	1%
	Jumlah	100	100%

Jadual 13 menunjukkan bahawa 45% daripada responden menyatakan bahawa bahasa Arab lebih mudah dipelajari berbanding dengan bahasa Inggeris, Walaupun bahasa Arab itu dipelajari di dalam keadaan yang tidak bagitu memuaskan - khususnya dari segi persekitaran -. Sekiranya pembelajaran bahasa Arab dijalankan di dalam keadaan yang lebih baik dipercayai peratusan yang menganggap bahasa Arab itu lebih mudah jauh lebih tinggi dari 45% Mereka memberikan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran. Setiap orang Islam sudah biasa membaca al-Quran. Ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah artikulasi dan beberapa perkara lain yang berkaitan.
- 2- Semua mata pelajaran agama menggunakan pengantar bahasa Arab.
- 3- Bahan rujukannya banyak sama ada di sekolah maupun di rumah.
- 4- Bahasa Arab mudah difahami.

Manakala mereka yang memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa yang mudah dipelajari, memberikan alasan yang berikut:

- 1- Bahasa Inggeris menggunakan tulisan rumi.
- 2- Bahasa Inggeris tidak memerlukan banyak hafalan.
- 3- Telah mendapat pendedahan dari peringkat sekolah rendah.
- 5- Guru bahasa Inggeris pandai menarik minat pelajar.
- 6- Kaedah bahasanya lebih mudah.
- 7- Terdapat banyak guru-guru yang berpengalaman.
- 8- Biasa didengar dan kadang-kadang digunakan sendiri.

JADUAL 14

BAHASA ARAB SEBAGAI MATA PELAJARAN PILIHAN

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Setuju	52	52%
2	Tidak Setuju	40	40%
3	Tiada Jawapan	8	8%
Jumlah		100	100%

Jadual 14 menunjukkan bahawa 52% daripada responden setuju supaya mata pelajaran bahasa Arab dijadikan mata pelajaran pilihan. Iaitu tidak wajib diambil di dalam peperiksaan. Mereka juga mengemukakan berbagai alasan tentang kenapakah bahasa Arab tidak perlu diwajibkan ke atas setiap pelajar. Ianya adalah seperti berikut:

- 1- Bukan semua pelajar berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Dengan demikian minat individu perlu dihormati.

- 2- Dengan tidak mewajibkannya, maka yang berminat akan memilihnya dengan lebihikhlas lagi.
- 3- Untuk mengelak perasaan tertekan di kalangan pelajar yang tidak meminatinya.
- 4- Jika diwajibkan akan menyebabkan kejatuhan agrigot.

Manakala 40% dari responden pula tidak bersetuju menjadikan bahasa Arab sebagai mata pelajaran pilihan. Mereka telah memberikan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Bahasa Arab sangat penting kepada pelajar-pelajar yang belajar di dalam bidang agama. Dengan demikian ianya perlu dipaksa ke atas setiap pelajar untuk mempelajarinya.
- 2- Dengan tidak menjadikan bahasa Arab sebagai mata pelajaran wajib, pelajar-pelajar akan memandang remeh, dan akan mempelajarinya secara sambil lewa atau pun akan terus diabaikan oleh mereka yang tidak berminat.
- 3- Boleh mengurangkan minat pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab.
- 4- Akan menyebabkan generasi yang akan datang buta huruf Arab.
- 5- Dengan cara mewajibkan sajalah akan dapat memelihara bahasa Arab di negara kita dan menggalakkan perkembangannya di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam.
- 6- Bahasa Arab sahajalah yang membezakan sekolah agama dengan sekolah bukan agama.

7- Akan menyusahkan pelajar-pelajar di dalam memahami buku-buku agama yang mana pada keseluruhannya menggunakan pengantar bahasa Arab.

JADUAL 15
BAHASA YANG LEBIH BERFAEDAH DAN LEBIH BANGGA MENGUASAINYA

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus.
1	Bahasa Arab	70	70%
2	Bahasa Inggeris	19	19%
3	Kedua-duanya sekali	11	11%
Jumlah		100	100%

Jadual 15 menunjukkan sebanyak 70% dari responden merasa lebih bangga dan lebih berfaedah jika dapat menguasai bahasa Arab. Mereka memberikan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Orang yang fasih berbahasa Arab disanjung masyarakat.
- 2- Mempunyai kelebihan dari orang lain. Kerana tidak ramai orang yang menguasai bahasa Arab.
- 3- Hanya pelajar yang bersekolah agama sahaja yang dapat menguasainya.
- 4- Bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang terbesar.
- 5- Untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah.
- 6- Bahasa Arab adalah bahasa dunia akhirat.

- 7- Baik untuk berkomunikasi sesama Islam.
- 8- Ianya kunci ke arah memahami al-Quran, Al-Hadith dan segala ilmu Islam.
- 9- Untuk keperluan semasa.

Manakala 19% lagi berpendapat menguasai bahasa Inggeris lebih berfaedah dan lebih membanggakan, dengan mengemukakan alasan-alasan yang berikut:

- 1- Bahasa Inggeris merupakan bahasa nombor satu dunia dari segi bilangan penggunanya.
- 2- Penggunaannya boleh di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.
- 3- Bahasa Inggeris merupakan syarat utama untuk di terima melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.
- 4- Kerana sudah dapat menguasai bahasa Inggeris.

Manakala 11% lagi tidak membezakan di antara kedua-dua bahasa sama ada bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Mereka berpendapat kedua-duanya sama penting. Bahasa Inggeris penting bagi urusan kehidupan manakala bahasa Arab pula penting di dalam urusan keagamaan.

JADUAL 16

MELAYAN TETAMU YANG TERDIRI DARI ORANG ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Menggunakan Bahasa Arab	38	38%
2	Menggunakan Bahasa Inggeris	61	61%
3	Kedua-duanya sekali	1	1%
Jumlah		100	100%

Jadual 16 menunjukkan hanya 38% responden sahaja yang sanggup menggunakan bahasa Arab semasa melayan tetamu berbangsa Arab. Manakala sebanyak 61% lagi akan melayaninya dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan mereka lebih yakin terhadap bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Arab.

Keadaan yang sama juga terdapat di dalam kelas-kelas bahasa Arab. Pelajar-pelajar didapati sukar untuk bercakap. Kebanyakan pelajar seboleh-bolehnya akan cuba mengelak dari menjawab soalan-soalan secara lisan tetapi lebih bersedia untuk menjawab sesuatu soalan secara bertulis. Gejala ini bukan terbatas kepada pelajar-pelajar sahaja bahkan di kalangan guru sendiri agak berat untuk mengajar dengan menggunakan bahasa Arab terutama sekali bagi mereka yang berkelulusan tempatan. Fenomena yang sebegini bukanlah merupakan sesuatu yang baru di dalam pembelajaran bahasa Arab. Bahkan ianya bermula sejak awal lagi, dan merupakan warisan dari sistem pondok lagi. Keadaan seumpama ni terus dibawa oleh pelajar sehingga ke peringkat universiti

JADUAL 17

PENEMPATAN SEMULA

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Susah Hati	66	66%
2	Gembira	6	6%
3	Sama Saja	28	28%
Jumlah		100	100%

Pelajar-pelajar diminta menjawab satu soalan tentang perasaan mereka sekiranya berlaku penempatan semula, di mana mereka akan ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan dan bukannya di Sekolah Menengah Agama sepetimana yang mereka belajar sekarang ini. Jadual 17 menunjukkan sebanyak 66% akan merasa susah hati sekiranya ditempatkan semula di sekolah lain selain dari sekolah agama. Mereka telah memberikan berbagai alasan kepada jawapan mereka. Walau bagaimanapun mereka yang memberikan alasan yang berkaitan dengan bahasa Arab merupakan golongan terbesar dengan peratusan sebanyak 36%. Mereka tak ingin korbankan bahasa Arab yang telah mereka pelajari sekian lama. Walau pun di setengah-setengah sekolah menengah bukan agama bahasa Arab turut diajar namun sukatannya berlainan, masa pengajarannya juga berkurangan dan lain-lain lagi.

Walaupun pembelajaran bahasa Arab di kebanyakan Sekolah Agama berjalan di dalam keadaan serba kekurangan, namun keadaan ini dianggap lebih baik berbanding dengan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah lain yang bukan sekolah agama.

Beberapa sebab lain yang diberikan oleh responden selain dari sebab bahasa Arab ialah:

- 1- Keadaan dan persekitaran di sekolah agama adalah lebih baik berbanding dengan sekolah lain.
- 2- Sayangkan pelajaran agama.
- 3- Sukatan pelajaran berbeza.
- 4- Sukatan pelajaran di sekolah agama lebih seimbang dari segi keperluan kehidupan dan keagamaan.

Sebab-sebab dan alasan yang diberikan di atas kesemuanya berkait dengan minat mereka terhadap pelajaran agama. Sepertimana yang diketahui umum bahawa agama Islam dan bahasa Arab merupakan dua perkara yang saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan. Jadi minat mereka terhadap pelajaran agama akan menjadikan dorongan kepada pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 17 juga menunjukkan bahawa sebanyak 6% dari responden akan merasa gembira sekiranya ditempatkan di sekolah menengah bukan agama, dengan 2% sahaja yang memberikan alasan yang berkaitan dengan bahasa Arab. Kerana bahasa Arab bagi mereka merupakan satu beban yang amat berat untuk dipikul.

Manakala 4% yang bakinya memberikan alasan-alasan yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pembelajaran serta keistimewaan-keitimewaan yang terdapat di sekolah menengah bukan agama, seperti mempunyai berbagai kelengkapan pembelajaran yang

terdiri dari makmal sains, alat bantu mengajar dan lain-lain disamping mempunyai sebilangan besar guru-guru yang terlatih.

Jadual 17 juga menunjukkan bahawa 28% dari responden tidak akan menghadapi sebarang masalah sekiranya dipindahkan ke sekolah menengah bukan agama. Ini adalah kerana bagi mereka sama saja.

JADUAL 18
TAMBAH MASA BELAJAR

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Setuju tambah Masa	56	56%
2	Tak Setuju	43	43%
3	Tiada Jawapan	1	1%
Jumlah		100	100%

Jadual 18 menunjukkan 56% responden bersetuju supaya masa pengajian bahasa Arab ditambahkan lagi. Ini adalah kerana masa yang telah diperuntukkan sekarang ini dianggap belum mencukupi, pendedahan pelajar-pelajar kepada bahasa Arab hanyalah di dalam kelas semata-mata. Ini jauh berbeza dengan bahasa Inggeris yang mana pendedahan kepada bahasa itu boleh didapati di mananya dan bila-bila masa sahaja. Dengan keadaan yang sedemikian mereka berpendapat adalah wajar masa pengajian bahasa Arab di sekolah ditambah lagi.

Manakala 43% lagi berpendapat bahawa masa yang telah diperuntukkan itu adalah wajar dan memadai. Malahan ada di antara mereka yang berpendapat masa yang sedia ada sudah melebihi dan membebankan mereka. Mereka berpendapat sekiranya masa belajar bahasa Arab ditambah ini akan menjasakan prestasi mereka di dalam mata pelajaran lain dan juga akan membuat mereka jemu untuk belajar bahasa Arab itu sendiri.

Manakala yang lain pula berpendapat penambahan masa tidak akan memberikan sebarang kesan di dalam pembelajaran sekiranya mutu pengajaran tidak diperbaiki.

Sebenarnya penulis di dalam meletakkan soalan ini bukanlah bertujuan untuk mengetahui sama ada masa pembelajaran itu cukup atau tidak, tetapi apa yang dikehendaki ialah sejauh manakah kesanggupan pelajar untuk belajar lebih di dalam menguasai bahasa Arab. Dari respon mereka didapati 56% sanggup untuk mengorbankan lebih masa di dalam mempelajari bahasa Arab.

**JADUAL 19
BUKU AGAMA DITULIS DI DALAM BAHASA MALAYSIA**

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tak Setuju	77	77%
2	Setuju	20	20%
3	Tiada Jawapan	3	3%
Jumlah		100	100%

Jadual 19 menunjukkan bahawa 77% daripada responden tidak setuju buku-buku agama ditulis di dalam bahasa Malaysia. Mereka mengambil sikap yang sedemikian dipercayai hasil dari kesedaran mereka terhadap betapa pentingnya bahasa Arab kepada pengajian agama Islam. Kerana mempelajari agama Islam melalui pengantar bahasa lain selain dari bahasa Arab akan menghalang seseorang itu dari sampai kepada sesuatu yang tersirat, serta banyak perkara lain lagi sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini tentang keistimewaan bahasa Arab.

Manakala sebanyak 20% pula bersetuju supaya buku-buku agama ditulis di dalam bahasa Malaysia. Mereka memberikan pendapat yang sedemikian adalah dipercayai kerana menghadapi masalah di dalam pembelajaran bahasa Arab dan juga di dalam memahami buku-buku agama yang mana bahasa pengantarnya adalah bahasa Arab. Jadi langkah yang terbaik bagi mereka untuk lulus peperiksaan adalah dengan membaca buku agama yang ditulis di dalam bahasa Melayu jika ada. Jadi kalau sekadar untuk lulus peperiksaan di peringkat SPM dan STPM dengan membaca buku agama dalam bahasa Malaysia dianggap sudah memadai. Tapi kalau untuk lulus peperiksaan SMU dan STU adalah tidak mencukupi kerana segala peperiksaan yang berkaitan dengan agama dijalankan dan diwajibkan menjawabnya di dalam bahasa Arab. Apatah lagi untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti di dalam bidang Agama. Walau bagaimanapun kajian ini juga mendapati bukan semua pelajar sekolah agama bercita-cita untuk melanjutkan mereka di dalam bidang agama di peringkat universiti nanti (lihat jadual (8)).

Pendirian yang sedemikian ini adalah berkait rapat dengan motivasi mereka di dalam pembelajaran bahasa Arab.

Manakala 3% peratus daripada responden tidak memberikan sebarang jawapan berhubung dengan soalan di atas. Adalah dipercayai mereka ini mempunyai dua pandangan yang berbeza bagi dua aspek yang berbeza. Iaitu dilihat dari segi kepentingan bahasa Arab bagi pelajaran agama maka buku-buku agama perlu dikekalkan di dalam bahasa Arab. Tetapi bila dilihat dari segi ianya memudahkan untuk lulus periksa SPM atau STPM maka buku-buku agama perlu ditulis di dalam bahasa Malaysia. Atas dilema inilah mereka mengambil keputusan tidak memberikan pandangan mereka.

JADUAL 20
MENGIKUTI KELAS TAMBAHAN

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tidak Mengikuti Kelas Tambahan	62	62%
2	Mengikuti Kelas Tambahan	38	38%
Jumlah		100	100%

Jadual 20 menunjukkan hanya 38% daripada responden yang menghadiri atau mengikuti kelas tambahan yang membabitkan mata pelajaran bahasa Arab dengan tujuan untuk memperkuatkan lagi penguasaan mereka terhadap bahasa Arab di dalam menghadapi peperiksaan SPM.

Manakala sebanyak 62% lagi tidak mengikuti kelas tambahan. Sehubungan dengan ini mereka memberikan sebab-sebab yang berikut:

- 1- Memadai dengan apa yang dipelajari di sekolah.
- 2- Belajar sendiri di rumah. Bila menghadapi sebarang masalah boleh dirujuk kepada keluarga sendiri.
- 3- Kekurangan masa untuk menghadiri kelas tambahan.
- 4- Masalah pembiayaan dan kewangan.
- 5- Tidak berminat.
- 6- Tidak terdapat kelas tambahan sama ada di sekolah sendiri mau pun pusat-pusat tusyen di kawasan sekitar yang terdekat yang menjalankan tusyen bahasa Arab.

Di antara sebab-sebab yang diberikan di atas, masalah kewangan serta ketiadaan kelas tusyen merupakan sebab utama kenapa sebilangan besar pelajar tidak mengikuti kelas tambahan. Ini terbukti dengan wujudnya sebanyak 27% daripada responden yang memberikan sebab di atas.

JADUAL 21

PENGELIBATAN DIRI DI DALAM PERSATUAN BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Menyertai Persatuan BA.	48	48%
2	Tidak Menyertai	52	52%
	Jumlah	100	100%

Jadual 21 menunjukkan bahawa 48% daripada responden menyertai persatuan bahasa Arab yang diadakan di sekolah mereka. Penyertaan mereka adalah secara aktif dan juga suka-suka. Di dalam memberikan sebab kenapa mereka menyertai persatuan ini faktor minat untuk mendalami serta menghayati bahasa Arab merupakan sebab utama penyertaan mereka. Dengan menyertai persatuan ini mereka mendapat banyak faedah dari aktiviti-aktiviti bahasa yang dijalankan. Di samping menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan bahasa Arab, melalui persatuan mereka dapat sedikit sebanyak mempraktikkan bahasa Arab di kalangan ahli persatuan.

Manakala sebanyak 52% lagi daripada responden tidak menyertai persatuan bahasa Arab, dan mereka memberikan sebab-sebab yang berikut:

- 1- Tak minat berpersatuan.
- 2- Persatuan Bahasa Arab tidak menarik.
- 3- Telah menyertai persatuan lain.
- 4- Kekurangan masa.
- 5- Persatuan bahasa Arab tidak aktif serta tidak mempunyai aktiviti yang menarik berbanding dengan persatuan-persatuan lain.
- 6- Ahli persatuan bahasa Arab terlalu ramai.
- 7- Kebanyakan ahli persatuan bahasa Arab terdiri dari pelajar terbaik di dalam bahasa Arab.

'Tidak minat' merupakan sebab utama kenapakah responden tidak menyertai persatuan bahasa Arab iaitu sebanyak 15%

JADUAL 22
MENONTON CERITA ARAB DI DALAM TV

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Pernah Menonton	89	89%
2	Tidak Pernah	11	11%
	Jumlah	100	100%

Jadual 22 menunjukan bahawa 89% daripada responden pernah menonton cerita Arab yang ditayangkan di TV. Keadaan ini sepatutnya sedikit sebanyak boleh membantu para pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab. Walau bagaimanapun dipercayai mereka ini sekadar menonton cerita sahaja dan tidak tahu bagaimanakah rancangan itu dapat dimanfaatkan di dalam pembelajaran bahasa.

Walau bagaimanapun 75% sahaja responden menonton cerita Arab yang menggunakan dialog bahasa Arab. Manakala yang bakinya menonton cerita Arab yang menggunakan dialog Bahasa Malaysia. Lihat jadual 23. Menonton cerita Arab yang menggunakan dialog Bahasa Malaysia tidak langsung memberi faedah kepada pelajar di dalam pembelajaran bahasa Arab.

JADUAL 23
MENONTON CERITA YANG MENGGUNAKAN DIALOG MELAYU/ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Cerita Dengan Dialog Arab	75	75%
2	Cerita Arab Dialog BM.	14	14%
3	Tidak Menonton	11	11%
	Jumlah	100	100%

JADUAL 24

CADANGAN MENYAMBUNG PELAJARAN DI PERINGKAT TINGGI

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Fakulti Peng. Islam UKM	13	13%
2	Akademi Islam UM	12	12%
3	UIA	56	56%
4	Universiti Al-Azhar	5	5%
5	Universiti Jordān	6	6%
6	Lain-lain	8	8%
Jumlah		100	100%

Jadual 24 menunjukkan sebanyak 13% dari responden bercadang untuk memilih untuk belajar di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dipercayai mereka ini memilih UKM adalah kerana Fakulti Pengajian Islam UKM menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi setiap mata pelajaran agama. Walaupun sepertimana yang diketahui UKM banyak mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang lain seperti mempunyai ramai tenaga pengajar yang berpengalaman dan mempunyai berbagai kemudahan, namun bukan itu yang menjadi alasan kenapa mereka memilih UKM. Sehubungan dengan ini penulis telah menemuramah beberapa orang pelajar UKM untuk mengetahui sebab mereka memilih UKM. Kebanyakan jawapan yang diberi adalah kerana UKM menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Manakala 12% lagi bercadang untuk melanjutkan pelajaran peringkat tinggi mereka di Akademi Islam Universiti Malaya. Pada keseluruhannya mereka yang memilih AIUM adalah kerana AIUM menggunakan pengantar bahasa Arab bagi setiap mata pelajaran agama sama ada di Fakulti Syariah, Usuluddin dan juga Program Pendidikan.

Jadual 24 juga menunjukkan sebahagian besar responden iaitu sebanyak 56% bercadang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti Islam Antara Bangsa. Apa yang menarik perhatian mereka adalah dipercayai kerana UIA menawarkan pengajian di berbagai fakulti tanpa perlu mengorbankan bahasa Arab yang telah sekian lama dipelajari di sekolah menengah. Di samping itu tenaga pengajar yang mengajar bahasa Arab yang terdiri dari orang-orang Arab sendiri juga dipercayai menjadi tarikan responden-responden.

Manakala sebanyak 11% lagi bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke negara Arab, iaitu 5% ke Universiti Al-Azhar dan 6% ke Jordan. Pemilihan mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka ke negara-negara Arab akan menjadikan pembelajaran Bahasa Arab mereka menjadi lebih berkesan dengan persekitaran Arab.

Yang bakinya sebanyak 8% adalah terdiri dari 2% bercadang melanjutkan pelajaran mereka ke ITM, 1% England, 1% KUSZA, 1% UPM dan 3% Maktab Perguruan Islam.

Dari sini didapati sebahagian besar pelajar masih ingin meneruskan pengajian Arab/Agama mereka hingga ke peringkat yang

lebih tinggi. Dan hanya sebahagian kecil dari mereka sahaja yang bercadang untuk memilih haluan lain. Di UKM walaupun bahasa pengantar bukannya bahasa Arab namun pelajaran bahasa Arab merupakan mata pelajaran wajib.

JADUAL 25
BIDANG KERJAYA YANG DIPILIH

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Pendidik	70	70%
2	Peguam	12	12%
3	Lain-lain	18	18%
Jumlah		100	100%

Jadual 25 menunjukkan bahawa sebanyak 70% daripada responden akan memilih kerjaya sebagai pendidik sama ada di dalam bidang agama atau bahasa Arab. Kebanyakan dari mereka bercadang untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah menengah. Manakala sebahagian kecilnya pula ingin terus belajar sehingga ke peringkat yang tertinggi hingga melayakkan mereka untuk bertugas sebagai pensyarah di mana-mana universiti.

Manakala 12% memilih bidang guaman dan bakinya sebanyak 12% berharap akan dapat berkhidmat sebagai Polis, Doktor perubatan, Astronomis, Geologis, Penterjemah, Tukang Masak Hotel dan ada juga yang memilih bidang dakwah dan perniagaan.

JADUAL 26
KENAPA BELAJAR BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kerana Ianya Mata Pelajaran		
	Wajib	49	49%
2	Kerana Minat	30	30%
3	Untuk Memahami Pelajaran lain	20	20%
4	Lain-lain	1	1%
Jumlah		100	100%

Lumrahnya bila seseorang itu mempelajari sesuatu bahasa ianya didorong oleh beberapa perkara yang berkaitan di antara satu sama lain. Umpamanya jika seseorang itu mempelajari bahasa Arab kerana minat, bukan kerana minat semata-mata tanpa ada sesuatu yang lain. Jadi kalau ditanya kenapa anda meminati bahasa Arab? Mungkin seseorang itu akan menjawab: Kerana melaluinya saya akan dapat memahami pelajaran saya dengan baik. Atau pun kerana bahasa Arab itu merupakan mata pelajaran wajib, untuk lulus di dalam peperiksaan dan sebagainya. Di sini kita dapati setiap satu sebab yang diberikan itu ada kaitan antara satu sama lain.

Jadi tujuan penulis mengemukakan soalan ini kepada subjek adalah bertujuan untuk mengetahui, sebab manakah yang paling kuat yang mendorong responden untuk mempelajari bahasa Arab, berbanding dengan sebab-sebab lain.

Jadual 26 menunjukkan bahawa mereka yang mempelajari bahasa Arab itu kerana ianya merupakan mata pelajaran wajib adalah sebanyak 49%. Ini seolah-olah mereka ini mempelajari bahasa Arab kerana terpaksa. Keadaan yang sedemikian perlu diberi perhatian agar sikap pelajar serta pandangan mereka terhadap bahasa Arab dapat diubah kepada yang sepatutnya.

Sebanyak 30% dari responden pula mempelajari bahasa kerana minat mereka kepada bahasa Arab itu sendiri. Atas kesedaran tentang betapa pentingnya bahasa itu kepada umat Islam.

Manakala 20% lagi mempelajari bahasa Arab dengan tujuan untuk memudahkan mereka memahami mata pelajaran agama yang mana bahasa pengantarnya adalah bahasa Arab. Yang bakinya sebanyak 1% menerangkan dengan jelas bahawa tujuannya mempelajari bahasa Arab adalah untuk lulus di dalam peperiksaan.

**JADUAL 27
DAYA USAHA UNTUK MEMPERKUATKAN BAHASA ARAB**

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Memperbanyakkan Pembacaan	61	61%
2	Meminta Nasihat Guru	18	18%
3	Mengulangkaji Pelajaran Secara Berkumpulan	8	8%
4	Memadai Dengan Apa Diajar Di Dalam Kelas	13	13%
Jumlah		100	100%

Di dalam usaha memperkuatkan bahasa Arab biasanya berbagai pendekatan diambil oleh para pelajar, dan ini tidak terbatas kepada satu cara sahaja. Bahkan terdiri dari berbagai cara yang ada kait-mengait antara satu sama lain. Tujuan penulis mengemukakan soalan ini adalah untuk mengetahui pendekatan manakah yang menjadi pilihan utama kepada para pelajar di dalam mengatasi masalah mereka.

Jadual 27 menunjukkan bahawa sebanyak 61% daripada responden lebih mengutamakan cara memperbanyakkan pembacaan untuk memperkuatkan bahasa Arab mereka. Sebanyak 18% lebih mengutamakan bimbingan dan nasihat dari guru dan 8% lagi mendapati cara mengkaji pelajaran secara berkumpulan adalah lebih sesuai untuk mereka.

Manakala 13% dari responden lagi tidak melakukan apa-apa kerana mereka menganggap apa yang diajar oleh guru mereka di dalam darjah sudah mencukupi dan memadai.

Bagi mereka yang berusaha sendiri untuk menguatkan bahasa Arab mereka, selain daripada pendekatan-pendekatan yang tersebut di atas, mereka juga mengadakan pendekatan-pendekatan yang lain di antaranya ialah:

- 1- Mendengar nasyid Arab.
- 2- Menyediakan buku perkamusahan sendiri.
- 3- Cuba bertutur dalam bahasa Arab dengan keluarga dan kawan-kawan terutama pada "Hari/Minggu Bahasa Arab.

- 4- Menghafal Al-Quran.
- 5- Menulis di dalam bahasa Arab setiap hari.
- 6- Menyertai segala kegiatan yang berkaitan dengan bahasa Arab.

JADUAL 28
KESANGGUPAN MENYERTAI PERTANDINGAN

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Pertandingan Syarahan	33	33%
2	Pertandingan Debat	1	1%
3	Pertandingan Mengarang	37	37%
4	Pertandingan Terjemahan Dari B.Arab Ke B.Malaysia	20	20%
5	Pertandingan Terjemahan Dari B.Malaysia Ke B.Arab	7	7%
6	Tiada Jawapan	2	2%
Jumlah		100	100%

Tujuan soalan seumpama ini dikemukakan adalah untuk melihat sejauh mana kebolehan, kemampuan, serta keyakinan mereka terhadap kemampuan mereka di dalam beberapa aspek seperti penulisan, pertuturan serta pemahaman. Iaitu dalam aspek manakah mereka lebih yakin untuk menyertainya.

Jadual 28 menunjukkan bahawa 33% daripada responden sanggup dan bersedia untuk menyertai pertandingan syarahan. Ini membuktikan mereka ini lebih yakin dengan kebolehan pertuturan

yang ada pada mereka berbanding dengan yang lainnya. Walau bagaimanapun mengikut pemerhatian penulis, kebanyakannya pelajar akan menyediakan dahulu teks syarahan mereka secara bertulis dan membawa bersama mereka dan seterusnya membaca teks syarahan. Manakala sebahagian kecil yang lain pula menghafal terlebih dahulu teks yang telah mereka sediakan. Dengan demikian bolehlah dianggap kesanggupan mereka untuk menyertai pertandingan syarahan bukan berdasarkan kepada keyakinan mereka di dalam aspek pertuturan tetapi dipengaruhi oleh faktor lain yang boleh menolong mereka. Sebagai buktinya tidak ramai yang sanggup menyertai pertandingan debat, iaitu hanya 1% sahaja. Walau pun debat juga merupakan suatu yang tergolong di dalam aspek kemahiran pertuturan. Ini adalah kerana debat tidak mempunyai peluang yang banyak bagi peserta untuk menyediakan teksnya terlebih dahulu. Bahkan ianya memerlukan kepada kebolehan secara spontan untuk menghuraikan fakta serta mematahkan hujah lawan.

Manakala pertandingan mengarang pula menjadi pilihan ramai dengan 37% responden memilihnya. Kalau dilihat kepada pemilihan itu mungkin seseorang itu akan berpendapat bahawa mereka ini mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan mereka di dalam penulisan. Tetapi pada realitinya bukanlah begitu. Apa yang sebenarnya yang menyebabkan mereka ini memilih pertandingan mengarang adalah didorong oleh bentuk pertandingan itu sendiri dan bukannya berasaskan kepada keyakinan diri. Pertandingan mengarang boleh mengelakkan mereka dari merasa tertekan dan malu kerana ianya tidak dipersembahkan di khalayak ramai, isi karangan tidak siapa yang melihatnya melainkan pengadil dan kesalahan

serta kesilapan tidak siapa pun yang mengetahuinya melainkan mengadil dan yang diisyiharkan hanya pemenang pertama, kedua dan ketiga. Dengan demikian bolehlah dikatakan pemilihan ini dilorong oleh perasaan untuk mengelakkan perasaan malu.

Dari segi pertandingan terjemahan pula jadual 28 menunjukkan bahawa peratusan mereka yang sanggup menyertai pertandingan menterjemah dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu adalah lebih tinggi iaitu 20% manakala mereka yang sanggup menyertai pertandingan terjemahan dari bahasa Melayu kepada bahasa Arab hanya 7% sahaja. Fenomena ini merupakan suatu yang lumrah di dalam masyarakat Melayu. Kemampuan menterjemah dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan kemampuan menterjemah dari bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Fenomena ini bukan sahaja terdapat di kalangan sekolah menengah, juga ianya merupakan fenomena bagi pelajar-pelajar pusat-pusat pengajian tinggi, bahkan di kalangan tenaga pengajar sendiri.

Hal seperti ini dipercayai ada kaitan dengan falsafah pembelajaran bahasa Arab itu sendiri - walaupun ianya tidak termaktub di mana-mana - iaitu "Belajar bahasa Arab dipusatkan kepada tujuan untuk menerima ilmu pengetahuan Islam dan bukan untuk menyampaikannya kepada orang-orang Arab". Justeru itu penulisan di dalam bahasa Arab kurang dititikberatkan walaupun ianya bukanlah terus diabaikan. Jika kita kembali melihat ke zaman pondok penulisan hampir diabaikan langsung sesuai dengan keperluan masa itu.

JADUAL 29
MATA PELAJARAN YANG PALING DISUKAI

bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Nahu Dan Saraf	37	37%
2	Balaghah	30	30%
3	Insya'	29	29%
4	Adab	2	2%
5	Tiada Jawapan	2	2%
Jumlah		100	100%

Jadual 29 menunjukkan peratusan responden yang meminati nahu dan saraf merupakan yang tertinggi dengan 37%. Mereka yang memilih balaghah pula adalah sebanyak 30% dan yang memilih insya' pula sebanyak 29%. Manakala yang memilih adab pula hanya sebanyak 2% sahaja. Dan 2% yang baki lagi tidak memberikan sebarang jawapan.

Mengikut pemerhatian penulis, pemilihan yang sedemikian bukanlah merupakan suatu pilihan yang mutlak ke atas mata pelajaran yang berkenaan, akan tetapi ianya berkaitan dengan penilaian responden terhadap guru yang mengajar mata pelajaran yang berkenaan, buku teks yang digunakan, masa pengajaran dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun bagi mereka yang memilih nahu bukanlah bermakna mereka tidak langsung meminati pelajaran lain, dan begitu juga bagi mereka yang memilih nahu itu betul-betul

eminatinya, tetapi mereka memilih nahu kerana nahulah yang urang dibencinya berbanding dengan mata pelajaran lain atau pun erana guru nahu itu merupakan seorang yang mempunyai metodologi engajaran yang tidak membosankan.

Peratusan yang tinggi bagi mereka yang meminati nahu dan araf menepati dengan kepentingannya di dalam bahasa Arab. Walaupun di sana terdapat segelintir manusia yang berpendapat bahawa nahu tidaklah terlalu penting di dalam pembelajaran bahasa, mungkin pendapat itu boleh diterima di dalam aspek-aspek yang amat terbatas. Tetapi menyedari akan tujuan kebanyakan orang Islam mempelajari bahasa Arab adalah untuk mengetahui isi sandungan Al-Quran, Hadis Nabi, serta untuk mengeksplorasikan segala ilmu pengetahuan Islam yang terdapat di dalam kitab-kitab hinduk yang ditulis oleh para ulama agong di zaman silam, maka ilmu nahu tidak boleh sekali-kali dinafikan akan kepentingannya.

JADUAL 30

PERKARA-PERKARA YANG MENARIK DI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Buku Teks	10	10%
2	Alat Bantu Mengajar	4	4%
3	Cara Guru Mengajar	53	53%
4	Semua Tak Menarik	15	15%
5	Semua Menarik	17	17%
6	Tiada Jawapan	1	1%
Jumlah		100	100%

Jadual 30 menunjukkan bahawa peratusan responden yang memilih 'buku teks' sebagai satu perkara yang menarik di dalam pembelajaran bahasa Arab adalah terlalu rendah dengan hanya 10% sahaja.

Buku teks di sekolah-sekolah menengah agama di Kelantan khasnya di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK) dianggap tidak menarik oleh sebahagian besar pelajar. Ini adalah kerana pada awal tahun 1994 YIK telah memperkenalkan buku baru, iaitu buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah menengah Al-Azhar, Mesir. Dari segi sukatan pelajarannya tidaklah begitu jauh perbezaannya. Tetapi apa yang menjadi masalah kepada pelajar ialah kerana buku-buku berkenaan mempunyai syarah serta penerangan yang panjang menyebabkan bilangan muka suratnya banyak (tebal). Keadan yang sedemikian sudah tentunya memberikan kesukaran kepada pelajar-pelajar yang belum dapat menguasai bahasa Arab dengan sepenuhnya. Bahkan ramai di antara guru-guru sendiri menghadapi kesukaran bila menggunakan buku-buku tersebut.

Kitab-kitab tersebut juga merupakan kitab-kitab lama karangan ulama silam yang banyak menggunakan bahasa yang agak tinggi dan hanya sesuai untuk pelajar-pelajar Arab.

Disamping itu kitab-kitab berkenaan juga menggunakan saiz huruf yang sangat kecil serta mutu cetakan yang rendah. Manakala kitab-kitab yang digunakan sebelum ini mempunyai kualiti cetakan yang baik serta mempunyai bilangan muka surat yang sedikit.

Jadual 30 juga menunjukkan bahawa bilangan responden yang milih alat bantu mengajar sebagai sesuatu yang menarik di dalam pembelajaran bahasa Arab hanya sebanyak 4% sahaja.

Dari segi penggunaan alat bantu, kebanyakan sekolah-sekolah agama terutama sekali sekolah-sekolah di bawah YIK adalah masih terlalu lemah. Pada keseluruhannya hanya menggunakan alat ntu mengajar tradisional yang terdiri dari kapur dan papan tam sahaja.

Sebanyak 53% daripada responden pula mendapati cara guru mengajar merupakan suatu yang menarik di dalam pembelajaran bahasa Arab.

Masalah guru, sama ada guru-guru bahasa Arab atau pun guru-guru agama terdapat jurang perbezaan yang jauh di antara dua jenis sekolah menengah agama, iaitu sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di bawah Kementerian Pendidikan dan sekolah menengah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan. SMKA biasanya tidak mempunyai masalah guru kerana ianya mempunyai guru berkelayakan yang mencukupi dan sesuai dengan bilangan murid yang ada.

Ada pun di sekolah-sekolah YIK masalah kekurangan guru yang berkelayakan amat ketara sekali. Pertukaran guru kerap kali berlaku. Ini adalah kerana guru-guru berkenaan sanggup berkhidmat lengkap YIK sementara mendapat pekerjaan lain sahaja. Khasnya bagi pemegang-pemegang ijazah. Manakala guru-guru lepasan sekolah

menengah pula pada keseluruhannya tidak mempunyai kelayakan perguruan sepetimana yang diperlukan.

Walau bagaimanapun bukan semua guru yang tidak mempunyai kelayakan perguruan itu gagal menjalankan tugas mereka dengan memuaskan bahkan ada di antara mereka yang lebih dihormati dan dikagumi oleh murid-murid mereka.

Sebanyak 15% daripada responden pula mendapati tidak ada apa-apa yang menarik di dalam pembelajaran bahasa Arab sama ada buku teks, alat bantu mengajar maupun guru yang mengajar.

Manakala 17% lagi berpendapat, semua yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab sama ada guru, buku maupun alat bantu mengajar kesemuanya adalah menarik belaka.

Keadaan di atas membuktikan bahawa mereka yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar akan menilai segala yang berkaitan dengan pembelajarannya adalah baik-baik belaka.

Manakala bagi mereka yang tidak bermotivasi pula akan menilai segala apa yang berkaitan dengan pembelajarannya adalah negatif belaka. Walau pun pada kebiasaanya kebaikan yang terdapat pada apa-apa yang berkaitan dengan pembelajaran itu boleh meningkatkan motivasi untuk belajar di kalangan pelajar-pelajar.

JADUAL 31
MATLAMAT PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Perkara	Peratus
Untuk Memahami Al-Quran	28%
Untuk Tujuan Percakapan	7%
Untuk Tujuan Akademik	29%
Untuk Tujuan Komunikasi	7%
Supaya layak Masuk Universiti	6%
Supaya Lulus Di Dalam Peperiksaan	3%
Untuk Mendapat Keredaan Allah	2%
Supaya Mudah Mendapat Pekerjaan	2%
Tidak mempunyai Matlamat Yang Khusus	2%
0 Koleksi Bahasa	9%
1 Lain-lain	5%
Jumlah	100%

Bagi umat Islam tidak dapat dinafikan bahawa matlamat utama di dalam mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami Al-Quran Al-Karim, serta Hadis-hadis Nabi. Ini adalah kerana segala hukum dan segala peraturan terkandung di dalam kedua-duanya menggunakan pengantar bahasa Arab. Jadi tujuan penulis mengemukakan soalan yang berkaitan dengan matlamat pembelajaran ini bukanlah untuk untuk mengetahui matlamat sebenar atau matlamat terakhir bagi mereka yang mempelajari bahasa Arab. Tetapi apa yang ingin dinilai oleh penulis di sini ialah sejauh manakah pandangan serta wawasan pelajar berkaitan dengan

matlamat pembelajaran ini. Serta sejauh manakah kesedaran mereka terhadap betapa pentingnya bahasa ini di dalam kehidupan mereka. Kerana kesedaran seseorang itu terhadap sesuatu perkara serta cara meletakkan matlamat itu merupakan faktor yang boleh mempengaruhi motivasi kerja seseorang itu

Di dalam jadual 31 didapati ada berbagai cara responden mengemukakan matlamat pembelajaran mereka, ada yang menerangkan tentang matlamat terdekat mereka sahaja iaitu untuk lulus peperiksaan dan ada pula yang menyatakan tentang matlamat paling akhir dan tertinggi sekali iaitu untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Matlamat terdekat iaitu lulus di dalam peperiksaan merupakan suatu perkara yang mesti dicapai oleh setiap pelajar sekiranya ingin terus melangkah ke matlamat yang lebih tinggi. Manakala matlamat tertinggi pula sudah semestinya akan dapat dicapai oleh seseorang itu setelah memenuhi segala matlamat yang sebelumnya dengan jaya serta melalui jalan dan arah sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah.

Sebanyak 28% daripada responden menyatakan matlamat mereka mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan Al-Quran iaitu untuk memenuhi tuntutan agama. Penulis berpendapat responden-responden ini mempunyai motivasi intrinsik iaitu kesedaran tentang kewajipannya sebagai seorang muslim. Walau bagaimanapun bukanlah menjadi tujuan penulis untuk menafikan tentang adanya unsur-unsur kesedaran bagi responden-responden yang tidak memilih matlamat ini.

Terdapat juga motivasi integratif yang mendorong pelajar memilih untuk bertutur dengan orang-orang Arab sama ada tika melancong ke negara-negara Arab, menunaikan haji, umrah dan lain-lain. Ini dengan terdapatnya sebanyak 7% yang memilih juan pertuturan dan sebanyak 7% lagi bermatlamatkan komunikasi. Mungkin matlamat ini tidak dapat dicapai dalam waktu yang singkat atau tidak dapat dilaksanakan sekarang menyebabkan ratusnya tidak begitu tinggi.

Sebanyak 29% daripada responden mempunyai matlamat akademik di dalam pembelajaran bahasa Arab. Iaitu untuk membaca dan memahami Al-Quran, Hadis Nabi, juga untuk membolehkan mereka membaca dan memahami kitab-kitah 'turath' karangan ulama-ulama Jong dan lain-lain buku ilmiah serta menulis di dalam bahasa Arab dengan betul. Ini menandakan pelajar mempunyai motivasi instrumental.

Kebanyakan pelajar mempunyai matlamat untuk memenuhi untutan diri sendiri dahulu sebelum menentukan matlamat-matlamat yang lebih jauh untuk dicapai. Umpamanya untuk tujuan melayakkan diri menyambung pelajaran ke peringkat universiti 6%, untuk lulus siperiksaan 3%, supaya mudah mendapat pekerjaan 3%.

Sebanyak 2% tidak mempunyai sebarang matlamat yang khusus, 1% lagi walaupun tidak mempunyai matlamat tertentu tetapi tempelajarinya kerana menyedari tentang banyaknya faedah jika seseorang itu mengetahui banyak bahasa.

Di akhir borang soal selidik penulis telah meminta supaya esponden-responden mengemukakan cadangan ringkas mengenai eadaan, situasi dan cara yang bagaimanakah yang boleh meningkatkan minat serta prestasi mereka di dalam mempelajari bahasa Arab.

Sehubungan dengan ini penulis mendapati kebanyakan responden telah memberikan kerjasama yang baik serta bertanggungjawab yang mencerminkan keperihatinan mereka terhadap sebarang usaha yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran bahasa Arab dan seterusnya membawa hasil yang lebih baik. Banyak cadangan-cadangan yang rasional telah dikemukakan. Dengan demikian ianya perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berwajib.

Cadangan-cadangan yang telah diberikan itu meliputi berbagai aspek pembelajaran seperti pentadbiran dan pengurusan sekolah, guru-guru, buku teks, aktiviti-aktiviti sekolah dan lain-lain lagi.

Berikut ini penulis mengemukakan cadangan-cadangan dan masalah yang telah dikemukakan oleh responden-responden:

1-Pengurusan Dan Pentadbiran

- 1- Masalah bilik kelas yang kurang selesa.
- 2- Menyediakan alat bantu mengajar yang lebih menarik selain

dari alat bantu tradisional yang terdiri dari kapor dan papan hitam sahaja.

- 3- Pihak sekolah hendaklah memperbanyakkan persekitaran Arab di sekolah.
- 4- Pihak sekolah hendaklah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi sekolah, di mana segala papan tanda, iklan, arahan, surat pekeliling dan sebagainya ditulis di dalam bahasa Arab.
- 5- Pihak sekolah sendiri hendaklah menguatkuasakan penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar serta guru-guru agama dan guru-guru bahasa Arab.
- 6- Bilangan pelajar janganlah terlalu ramai di dalam satu kelas khususnya ketika mata pelajaran bahasa Arab..
- 7- Pihak sekolah hendaklah berusaha memperbaiki cara penyampaian dan pengajaran guru-guru.
- 8- Pihak sekolah hendaklah berusaha memperbanyakkan bahan-bahan bacaan Arab di perpustakaan sekolah.

Guru

- 1- Guru, sama ada guru bahasa Arab atau guru mata pelajaran agama hendaklah mengajar menggunakan bahasa Arab, dan bukannya menggunakan bahasa Malaysia atau pun dialek Kelantan sepertimana yang berlaku sekarang.
- 2- Guru hendaklah lebih banyak memberi peluang kepada pelajar daripada lebih banyak berceramah.
- 3- Guru hendaklah mengadakan cara pembelajaran yang lebih sistematis.
- 4- Jika keadaan memerlukan kepada penterjemahan, guru

hendaklah melakukan penterjemahan dengan jelas dan terang agar tidak mengelirukan.

- 5- Guru hendaklah lebih banyak menggunakan alat bantu mengajar agar pembelajaran menjadi lebih berkesan.
- 6- Guru hendaklah bersedia mengadakan kelas tambahan.
- 7- Guru hendaklah kreatif mengadakan berbagai cara pengajaran yang tidak membosankan.
- 8- Guru-guru hendaklah sentiasa memainkan peranan di dalam meningkatkan motivasi pelajar.
- 9- Banyakkan perbincangan agar kelas dapat dihidupkan.
- 10- Cara dan gaya guru hendaklah sesuai dengan keadaan dan cita rasa pelajar.
- 11- Guru hendaklah tidak terlalu serius.
- 12- Perlu diwujudkan persefahaman yang berterusan antara guru dengan para pelajarnya.
- 13- Penampilan guru adalah penting untuk menarik minat pelajar.
- 14- Guru hendaklah menggunakan metodologi pengajaran yang mudah difahami.

- Aktiviti Kelas

- 1- Hendaklah diperbanyakkan latihan.
- 2- Peruntukan masa untuk nahu saraf hendaklah ditambah.
- 3- Perbanyakkan perbendaharaan kata.
- 4- Jangan diajar banyak topik sekali gus.

!- Aktiviti-aktiviti Ko-kurikulum

- 1- Aktiviti luar hendaklah diperbanyakkan.
- 2- Hendaklah mengadakan kuiz bahasa Arab.

- 3- Mengadakan lain-lain pertandingan yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab.
- 4- Pendedahan melalui tontonan filem-filem yang menggunakan bahasa Arab fushah.
- 5- Perbanyakkan kegiatan secara berkumpulan, cara ini perlu kerana ianya membolehkan pelajar tolong-menolong sesama mereka.
- 6- Bengkel, taklimat, perbincangan dan lain-lain hendaklah diperbanyakkan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar.
- 7- Persatuan Bahasa Arab di setiap sekolah mestilah lebih aktif dengan mempelbagaikan program-program yang menarik.
- 8- Melatih pelajar yang berminat untuk berpidato dan menyampaikan syarahan di dalam bahasa Arab.

- Cadangan-cadangan Umum

- 1- Bahasa Arab hendaklah digunakan dengan lebih meluas, terutama sekali di jabatan-jabatan kerajaan yang ada kaitannya dengan bahasa Arab seperti Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Pejabat-pejabat Kadi, Pejabat Mufti, Yayasan Islam Kelantan dan lain-lain lagi demi meningkatkan motivasi para pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab.
- 2- Pihak yang bertanggungjawab hendaklah menyediakan guru-guru yang berpengalaman khasnya yang terdiri dari bangsa Arab sendiri.
- 3- Sukatan pelajaran serta buku Al-Azhar perlu dikaji semula

agar ianya lebih menarik dan lebih diminati.

- 4- Bilik-bilik darjah hendaklah diperelokkan sekadar termampu untuk memberi keselesaan kepada para pelajar.
- 5- Berbagai pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Arab perlu diadakan di berbagai peringkat dan penyertaannya terbuka kepada semua sekolah Agama/Arab.
- 6- Perpustakaan-perpustakaan awam hendaklah dicadangkan supaya memperbayakkan bahan-bahan bacaan Arab yang terkini.
- 7- Perpustakaan-perpustakaan yang tertentu yang banyak mengandungi bahan bacaan Arab hendaklah dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah agama.

Kesimpulan:

Sebagai kesimpulan kepada soal selidik ini, penulis endapati pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah di negeri Kelantan masih lagi menghadapi berbagai masalah dalam aspek-aspek yang berikut:

- 1- Pelajar: Ramai di kalangan pelajar kurang minat dan kurang motivasi untuk belajar, kurang kesedaran tentang betapa pentingnya bahasa Arab di dalam kehidupan mereka ini menyebabkan mereka kurang memberi perhatian kepada mata-pelajaran bahasa Arab.
- 2- Guru: Sekolah-sekolah Agama di Kelantan khususnya sekolah-sekolah di bawah YIK kekurangan guru-guru yang berpengalaman, dan ini telah memberikan kesan yang negatif kepada pembelajaran bahasa Arab.

3- Alat Bantu Mengajar: Kebanyakan sekolah di bawah pentadbiran YIK hanya menggunakan alat bantu mengajar tradisional sahaja yang terdiri dari kapor dan papan hitam sahaja.

4- Ko-Kurikulum: Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang berkaitan dengan bahasa Arab didapati tidak begitu berkesan.

Masalah-masalah di atas perlu di atasi dengan sekadar yang permampu agar pembelajaran bahasa Arab akan menjadi lebih berkesan, sesuai dengan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa Aliran yang menjadi pegangan kepada umat Islam.